



25 Januari 2022  
25 January 2022  
P.U. (B) 49

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

*NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 2A(2)*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2A(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri mengecualikan syarikat yang dinamakan dalam Jadual daripada kuat kuasa seksyen 16 Akta bagi tempoh lima belas tahun berkuat kuasa mulai tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta* dengan syarat bahawa—

- (a) pengecualian ini hanya terpakai bagi transaksi pemberian pinjaman wang secara dalam talian;
- (b) suatu salinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang tidak disetemkan yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu hendaklah diserahkan kepada peminjam dengan cara elektronik sebelum wang itu dipinjamkan; dan
- (c) suatu salinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang telah disetemkan yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu hendaklah diserahkan kepada peminjam dengan cara elektronik dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh perjanjian itu ditandatangani.

MONEYLENDERS ACT 1951

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 2A(2)

IN exercise of the powers conferred by subsection 2A(2) of the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*], the Minister exempts the companies named in the Schedule from the operation of section 16 of the Act for a period of fifteen years with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette* provided that—

- (a) this exemption is only applicable to online moneylending transactions;
- (b) an unstamped copy of the moneylending agreement duly signed by all the parties to the agreement shall be delivered to the borrower by electronic means before the money is lent; and
- (c) a stamped copy of the moneylending agreement duly signed by all the parties to the agreement shall be delivered to the borrower by electronic means within a period of thirty days after the date of signing of the agreement.

JADUAL/*SCHEDULE*

Bigpay Later Sdn. Bhd.  
Juara Partners Sdn. Bhd.  
Seamoney Capital Malaysia Sdn. Bhd.  
Rock Wing Capital Sdn. Bhd.  
Mualamat Biz Capital Sdn. Bhd.  
Parkson Credit Sdn. Bhd.  
Icon Venture Capital Sdn. Bhd.  
EZ Auto Digital Sdn. Bhd.  
Evergreen Credit Express Sdn. Bhd.  
Melati Panorama Sdn. Bhd.

Wavpay Credit Sdn. Bhd.  
Wetek Technology (M) Sdn. Bhd.  
Express Mortgage & Loan Sdn. Bhd.  
Women In Tech Sdn. Bhd.  
Glamour Mortgage & Loan Sdn. Bhd.

Bertarikh 14 Januari 2022

*Dated 14 January 2022*

[KPKT/PUU/(S)/8/07 Jld. 6(52); PN(PU2)154/XIX]

DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN  
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan/  
Minister of Housing and Local Government*